

PROMOSI DEPOSIT TETAP DALAM TALIAN/DEPOSIT TETAP-i DALAM TALIAN

Dikemas kini pada 29 Mac 2023

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap Dalam Talian/Deposit Tetap-i Dalam Talian” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 01 April 2023 dan berakhir pada 30 April 2023, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 13** di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“**Tempoh Promosi**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“**T&S**”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu and sedia ada yang memegang akaun bagi Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASAI”)(“Akaun/Akaun-i Sertaaan”) dan mendaftar diri untuk Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect (“Hong Leong Connect”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Bagi mengelakkan keraguan,
 - (i) pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA/CASA-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi;
 - (ii) pelanggan sedia ada merujuk kepada pelanggan yang memegang sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
 - (iii) pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eFD/eFD-i dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana T&S yang terkandung didalam T&S Umum Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, T&S Hong Leong Connect dan T&S yang berkenaan dengan Akaun/Akaun-i Sertaaan dan CASA/CASA-i Sertaaan **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
5. Promosi ini **TIDAK** disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

6. Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan diatas dan yang membuat peletakan eFD/eFD-i melalui Hong Leong Connect bagi amaun antara Amaun Peletakan eFD/eFD-i Minimum sehingga Amaun Peletakan eFD/eFD-i Maksimum ("**Amaun Peletakan eFD/eFD-i**") ke dalam Akaun eFD/eFD-i yang baharu masing-masing bagi Tempoh berkenaan yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Promosi adalah berhak menikmati Kadar Promosi eFD/eFD-i sepadan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Tempoh	Kadar Promosi eFD/eFD-i ¹	Amaun Peletakan eFD/eFD-i Minimum	Amaun Peletakan eFD/eFD-i Maksimum
3 bulan	3.85% setahun	RM10,000	RM200,000
6 bulan	3.90% setahun		
12 bulan	3.85% setahun		

7. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausa 6 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
8. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan deposit eFD/eFD-i mestilah daripada bank lain melalui Financial Process Exchanges ("**FPX**"). FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.. Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>.
9. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum / had pindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
10. Pemprosesan peletakan eFD/eFD-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari berkerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eFD/eFD-i hendaklah bermula selepas prosesnya berjaya disempurnakan dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan.
11. Kadar Promosi eFD/eFD-i dapat dinikmati Pelanggan Layak bagi peletakan yang dibuat menerusi Hong Leong Connect antara 06:00 pagi dengan 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi di Hong Leong Connect atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD/eFD-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam agar peletakan diterima.
12. Pada tarikh matang, Amaun Peletakan eFD/eFD-i pokok akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD/eFD-i masing-masing atau pengeluaran auto dan dikreditkan ke CASA/CASA-i Namaan, yang telah dipilih oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
13. Jumlah saiz dana untuk Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

Jadual 2

eFD/eFD-i	Fund Size Limit
3 bulan eFD/eFD-i	RM800 juta
6 bulan eFD/eFD-i	RM1100 juta
12 bulan eFD/eFD-i	RM150 juta

14. Jika Amaun Peletakan eFD/eFD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan eFD/eFD-i yang melebihi Amaun Peletakan eFD/eFD-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar eFD/eFD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.

15. Walau apa pun Klausa 14 di atas, Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi dan/atau kriteria/keperluannya untuk Promosi (“Variasi Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria”),
- a. dengan memberi notis awal melalui
 - i. pengumuman di laman web HLB; atau
 - ii. notis di cawangan HLB; atau
 - iii. mana-mana cara pemberitahuan lain yang Bank dapati wajar.
 - b. Perubahan Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan Yang Layak dari tarikh berkuat kuasa seperti yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan berkenaan.
 - c. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Promosi bagi memastikan pihak pelanggan mengetahui dengan sebarang Perubahan Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria.

Sebarang perubahan pada Tempoh Promosi, Kadar Promosi atau Kriteria tidak terpakai untuk peletakan eFD/eFD-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.

16. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak (“**CASA/CASA-i” Diperuntukkan**) bagi tujuan mengkreditkan faedah / keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Faedah / keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
17. Jika Amaun Peletakan eFD/eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah / keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD/eFD-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, faedah/keuntungan akan dikira dari baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
18. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah / keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eFD/eFD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Akaun eFD/eFD-i.
19. Pelanggan HLISB bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.
20. Tertakluk kepada Klausa 16 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian eFD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki eFD kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eFD mengikut Klausa 16.
21. Tertakluk kepada Klausa 16 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eFD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eFD-i mengikut Klausa 16.
22. Amaun Peletakan eFD/eFD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak. kecuali Amaun Peletakan eFD digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit konvensional (iaitu Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan Bank. Untuk pengaturan janji tersebut, Pelanggan Layak perlu merujuk kepada halaman produk Kad Kredit dengan Deposit Tetap.

UMUM

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi dan Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eFD/eFD-i;
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
 - (iii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
 - (iv) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my/laman sesawang HLISB www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
 - (v) faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
 - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
24. Bank berhak:
- (i) dengan notis awal kepada pelanggan, menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
 - (ii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, dan Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Hong Leong Connect dan terma dan syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eFD/eFD-i; dan
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Promosi T&S dikesan.
25. T&S di dalam ini, T&S Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam, T&S Akaun e-Deposit Tetap Hong Leong, T&S Deposit Tetap-i Hong Leong dan T&S Hong Leong Connect hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
26. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
27. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

eDeposit Tetap-i Dalam Talian berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.

Ahli PIDM. eDeposit Tetap Dalam Talian/eDeposit Tetap-i Dalam Talian dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan T&S, sila e-mail kami di hlonline@hlib.hongleong.com.my.